

PRN Sabah: Tidak ada parti mampu bentuk kerajaan

BH 21.9.2020



Oleh **Azrul Affandi Sobry** - September 21, 2020 @ 12:04pm

azr@bh.com.my



Kemeriahan perang bendera di sepanjang jalan Bandar Siera, Kota Kinabalu sempena PRN Sabah. - NSTP/Aswadi Alias

KOTA KINABALU: Tiada parti atau gabungan mereka dijangka mampu memperoleh majoriti mudah dan membentuk kerajaan dalam Pilihan Raya Negeri (PRN) Sabah, 26 September ini.

Parti dominan di Sabah juga dijangka terpaksa mempelawa parti lain untuk membentuk gabungan baharu bagi membolehkan kerajaan negeri dibentuk.

Penganalisis politik, Universiti Malaysia Sabah, Prof Madya Dr Mohd Noor Yazid, berkata Gabungan Rakyat Sabah (GRS) yang membabitkan kerjasama antara Perikatan Nasional (PN), Barisan Nasional (BN) dan Parti Bersatu Sabah (PBS) dilihat masih bermasalah dengan 17 kerusi ditandingi sesama mereka.



Penganalisis politik, Universiti Malaysia Sabah, Prof Madya Dr Mohd Noor Yazid.

Katanya, pertembungan itu menunjukkan wujud berlaku ketidaksepakatan antara mereka dalam pembentukan gabungan itu dan ia mungkin memberi kesan tidak baik untuk mendapat majoriti mudah.

"Sukar sebenarnya untuk mana-mana parti dalam PRN kali ini untuk mendapat majoriti mudah iaitu sekurang-kurangnya menang di 37 kerusi kerana pilihan raya kali ini dilihat paling mencabar dan unik.

"Gabungan di bawah Warisan Plus mungkin ada kelebihan di kawasan pengundi Cina dan di kawasan pantai timur. Begitu juga dengan Parti Cinta Sabah (PCS) yang bertanding semua 73 kerusi, diramal akan menang beberapa kerusi.

"Pecahan kemenangan untuk semua gabungan dan parti yang bergerak secara sendirian ini akan menyukarkan untuk melihat satu gabungan mampu menang di 37 kerusi," katanya.

Justeru Mohd Noor berkata, gabungan besar seperti GRS dan Warisan Plus mungkin terpaksa bergantung kepada parti lain seperti PCS dan parti lain untuk membentuk gabungan baharu selepas PRN ini nanti bagi membentuk kerajaan.

Katanya, jika ada gabungan yang mampu memiliki majoriti mudah sekalipun, ia bukan jaminan mereka selamat kerana parti-parti lain boleh menjadi penentu atau 'king maker' untuk membantu gabungan yang memerlukan beberapa kerusi tambahan.

Tambahnya, pembabitan PCS dan Parti Liberal Demokratik (LDP) dalam PRN kali ini juga tidak boleh dipandang sebelah mata kerana mereka ada kekuatan tersendiri di beberapa kawasan.

"Dua parti ini, meskipun bergerak secara sendirian, namun boleh memberikan cabaran besar kepada GRS dan Warisan Plus, serta tidak mustahil dua parti ini diperlukan bagi membentuk kerajaan.

"Selain itu, pengundi Sabah sukar diramal. Mereka ada sejarah mencuba parti baharu dan itu mungkin berlaku dalam PRN kali ini kerana ada rekod kurang baik dalam kerajaan terdahulu apabila gagal dalam melaksanakan manifesto mereka," katanya.

Katanya, PBS sendiri pernah menang dan membentuk kerajaan meskipun mereka parti baharu dan ia tidak mustahil boleh berlaku sekali lagi dalam PRN kali ini.

"Jika parti baharu ini tidak menang majoriti mudah pun, mereka boleh jadi 'king maker'. Ini yang ramai penganalisis lihat yang akan berlaku selepas 26 September ini.

"Itu belum lagi diambil kira budaya lompat parti yang sudah menjadi kebiasaan sebelum ini di Sabah. Saya jangka ia akan berlaku lagi kali ini," katanya.